



ORANG ramai menunjukkan sokongan dengan membeli bunga orkid yang dijual oleh BCWA.

Simbol kekuatan pesakit kanser payu dara

ORKID atau anggerik mampu tumbuh dengan cantik walaupun dalam persekitaran hutan yang penuh saingan sumber makanan dan spesies. Itu sekali gus membawa simbol kekuatan dalam kelebutan.

Presiden Pertubuhan Kebajikan Kanser Payudara (BCWA), Ranjit Kaur berkata, ciri itulah yang sinonim dengan pesakit kanser payu dara yang harus kuat dan tabah dalam mengharungi cabaran penyakit yang ditanggungnya.

Sempena Hari Orkid anjuran BCWA yang bermula semalam sehingga 8 Mac ini, bunga orkid dipilih sebagai simbol bermakna kerana keistimewaan cirinya yang layak dibandingkan dengan para pejuang penyakit kanser.

"Idea bunga ini diaplikasikan daripada Hari Daffodil Majlis Kanser Australia yang menggunakan simbol bunga daffodil yang berjaya mengumpul AS\$8 juta (RM3.04 juta) sejak ia dilancarkan pada 1986," katanya.

Menurut Ranjit, aktiviti yang julung-julung kali diadakan itu

turut mengumpul dana bagi BCWA yang selama ini bergiat aktif dalam mengendalikan aktiviti sokongan bagi pesakit kanser.

"Orang ramai boleh membantu pertubuhan ini dengan membeli bunga orkid yang dijual dengan harga RM5 sekuntum dan barangan perhiasan lain.

"Hari Orkid ini juga akan dijadikan sebagai acara tahunan pada hari Jumaat pertama bulan Mac setiap tahun bagi memberi kesedaran kepada orang ramai tentang risiko penyakit kanser payu dara," katanya ketika ditemui sempena Hari Orkid 2010 di Stesen Sentral KL Monorail baru-baru ini.

Katanya, dijangka 10,000 bunga orkid akan dijual sepanjang empat hari Hari Orkid 2010 berlangsung. Lebih 100 orang ahli BCWA yang kebanyakannya merupakan pesakit kanser payu dara terlibat dalam kempen tersebut.

"Kami akan meneruskan aktiviti ini di 21 buah lokasi lain

antaranya Sungei Wang Plaza, Mid Valley Megamall, Hospital Pantai, stesen monorel Imbi dan Hang Tuah," katanya.

Jelas Ranjit, kesedaran tentang penyakit kanser payu dara harus dipupuk kerana setiap wanita mempunyai risiko untuk mendapat penyakit tersebut.

"Kami mahu beri kesedaran kepada masyarakat bahawa dengan mendapatkan rawatan tentang penyakit tersebut, mereka mampu mencapai hidup yang berkualiti.

"Wanita berusia lebih 40 tahun seharusnya membuat pemeriksaan mamogram bagi mengesan kanser payu dara pada peringkat awal dan tidak mengangap diri hodoh apabila dikesan menghidap penyakit tersebut," pesannya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi KL Monorail, Khairani Mohamed berkata, kerjasama dengan BCWA merupakan peluang terbaik baginya menjana dana persatuan tersebut dan satu cara untuk berhubung dengan orang ramai.